

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 23 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 12

MBAS sasar Bandaraya Berdayahuni

Bagi memastikan rakyat mampu berdaya saing, menjana ekonomi dan mencapai pelbagai perkara pada tahap terbaik.



Bandar Alor Setar yang berusia 285 tahun diasaskan Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'azzam Shah II merupakan ibu negeri jelapang padi, Kedah Darul Aman.

Terletak kira-kira 93 kilometer (km) utara Butterworth, Pulau Pinang dan 45km dari selatan sempadan Thailand, Alor Setar ditadbir Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS).

Di bawah pertadbiran MBAS, Alor Setar yang merupakan antara bandar yang tertua di rantau ini kini semakin berubah wajah dengan pelbagai pembangunan yang rancang membangun.

Ikuti wawancara khas wartawan *Sinar Harian* bersama Datuk Bandar Alor Setar, Datuk Mohd Zohdi Saad.



Apakah visi dan misi terbaharu MBAS?

MOHD ZOHDI: Sebelum ini visi kita adalah Alor Setar Bandaraya Aman Makmur dari tahun 2014 hingga 2018 tetapi kini visi MBAS ialah Mentransformasikan Bandaraya Alor Setar sebagai Bandaraya Berdayahuni, manakala misi MBAS ialah Memacu kecemerlangan Majlis Bandaraya Alor Setar yang mapan berteraskan organisasi berkualiti, inovatif, responsif dan komited kepada pembangunan lestari untuk mencapai Bandaraya Berdayahuni.

Apakah perancangan yang diatur bagi meningkatkan hasil dan mengukuhkan kualiti perkhidmatan MBAS?

MOHD ZOHDI: Kami mengambil inisiatif menggubal Pelan Strategik 2019-2023 untuk menjadi kerangka perancangan jangka panjang demi mening-

katkan hasil dan mengukuhkan kualiti perkhidmatan MBAS untuk membolehkan MBAS berada pada tahap yang terbaik dan terancang dalam tempoh lima tahun akan datang.

Melalui Pelan Strategik 2019-2023, sebanyak lima aspek diberi keutamaan iaitu pengukuhan kewangan dan peningkatan ekonomi untuk kesejahteraan penduduk, merealisasikan Alor Setar ke arah Bandaraya Berdayahuni, transformasi pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam, memacu tadbir urus terbaik bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan berkualiti serta mempertingkatkan kemudahan ICT ke arah perkhidmatan berkualiti.

Namun, kerjasama strategik berterasan dan kolaboratif antara agensi, kerajaan dan swasta amat diperlukan dalam usaha merealisasikan Pelan Strategik 2019-2023 tersebut.

RM400,000 untuk naik taraf Medan Selera Batu 2

Apakah tindakan yang diambil MBAS dalam menuju ke arah Bandaraya Berdayahuni?

MOHD ZOHDI: Kita berusaha merencanakan kesejahteraan ekonomi masyarakat, misalnya, melalui kerja menaik taraf Medan Selera Batu 2, Jalan Langgar di sini dengan kos mencecah sebanyak RM400,000 bagi memastikan keselesaan dan keselamatan peniaga serta pengguna terjamin.

Kita turut membuat penempatan semula peniaga tepi jalan ke Pasar Baru Pokok Sena yang dilengkapi dengan kemudahan fasiliti dan kebersihan yang terpelihara. Selain itu, kita juga merancang mengadakan aktiviti promosi dengan lebih tersusun seperti menyediakan tapak *food truck*, Pasar Orang Muda, aktiviti perniagaan kawasan pelancongan, penempatan perniagaan berkaitan hasil laut dan industri pelancongan di Kuala Kedah

dan banyak lagi.

Malah, kita cuba memacu Alor Setar ke arah Bandar Rendah Karbon dan Bandar Selamat bagi merealisasikan hasrat ke arah Bandaraya Berdayahuni iaitu melaksanakan Inisiatif Kejiranan Hijau seperti lauan pejalan kaki, lauan basikal sehinggalah kepada Kebun Komuniti.

Di bawah MBAS, kita juga melaksanakan aktiviti Kebun Kejiranan iaitu penduduk mewujudkan kebun sebelum menjual. Jadi, kita sokong semua taman perumahan agar mencontohi Taman Angsana yang melaksanakan program Kebun Kejiranan.

Menerusi Bandaraya Berdayahuni, kita harap warga Alor Setar mampu berdaya saing, bekerja, menjana ekonomi dan memastikan kebersihan serta keselamatan pada tahap yang terbaik sehinggalah mereka memiliki kemampuan membeli rumah yang bagus.

